

14/03/2000

Kes Anwar, Sukma ditangguh 22 Mac

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar ditangguhkan kepada 22 Mac ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan penangguhan yang dikemukakan oleh peguam bela Anwar, Christopher Fernando. Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail tidak membantah.

Sehubungan itu, Ariffin memberitahu Fernando bahawa mahkamah akan meneruskan perbicaraan pada 22 Mac ini bagi mendengar hujah sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir memberi keterangan pada perbicaraan itu.

"Kita perlu selesaikan isu sama ada Dr Mahathir perlu hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan atau sebaliknya," katanya.

Sebelum itu, Fernando memberitahu mahkamah bahawa pembela mengemukakan tiga alasan penangguhan perbicaraan itu yang sepatutnya disambung hari ini selepas ditangguhkan pada 21 Februari lalu.

Katanya, pembela belum lagi menyerahkan afidavit Anwar kepada Dr Mahathir dan bercadang untuk berbuat demikian hari ini.

Fernando berkata, jika pembela berjaya menyerahkan afidavit itu kepada Dr Mahathir, sudah tentu Perdana Menteri memerlukan masa untuk menjawab balik afidavit berkenaan.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes itu sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Fernando memberitahu mahkamah pihak pembelaan ingin menyelesaikan isu afidavit itu sebelum memanggil saksi lain memberi keterangan.

"Isu sama ada Dr Mahathir perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi perlu diselesaikan dahulu sebab jika beliau (Dr Mahathir) dibenarkan hadir, ada kemungkinan saksi lain seperti Tun Daim Zainuddin tidak akan dipanggil," katanya.

Bagaimanapun, Ariffin mencelah bahawa mahkamah tidak menerima sebarang permohonan sapina untuk diserahkan kepada Daim kecuali membabitkan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman; bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Mohamed Shafee Yahya dan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob,

Fernando memberitahu mahkamah alasan kedua penangguhan adalah Anwar diperlukan hadir dalam perbicaraan kes bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor yang menghadapi tuduhan sengaja cuba menyebabkan kecederaan terhadap Anwar.

Katanya, Anwar adalah saksi utama pendakwa dalam kes itu yang bermula esok.

Alasan ketiga, katanya, beliau bersama peguam bela lain terbabit dalam kes rayuan peguam Zainur Zakaria yang dihukum penjara tiga bulan kerana kesalahan menghina mahkamah.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)